



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Office of Director-General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8,

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Fax: 03-8889 4548

Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BS-Dsr)/201/002/1(1)

17 Disember 2008

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS: BIL: 7/2008

PERSEDIAAN MENGHADAPI SESI PENGGAL PERSEKOLAHAN BARU

Sebagai langkah proaktif Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan **Jawatankuasa Penggal Persekolahan** pada Tahun 2007 yang bertujuan untuk memperincikan semua isu berkaitan sesi awal persekolahan. Jawatankuasa ini telah menubuhkan satu pasukan '**Task Force**' bagi menangani Isu-Isu Persekolahan dengan mengenal pasti, mencegah dan mengatasi isu-isu yang timbul sebelum sesi persekolahan baru dibuka.

2. Untuk memberikan tumpuan yang khusus kepada permasalahan yang dihadapi oleh sekolah secara tepat dan cepat, **Database Laporan Akhir Tahun (dBLat)** digunakan.
3. Sehubungan dengan itu, Y.B. Menteri Pelajaran selaku Pengerusi Jawatankuasa Penggal Persekolahan telah menginstitusikan Jawatankuasa ini supaya ia dapat berfungsi sepenuhnya untuk memastikan berlakunya keseragaman perancangan dan tindakan untuk menangani isu-isu yang mungkin timbul setiap kali bermulanya sesi awal persekolahan.
4. Surat Pekelingiling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan yang lengkap mengenai langkah yang perlu diambil oleh pihak sekolah menjelang pembukaan penggal persekolahan baru pada setiap tahun di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan untuk memastikan sekolah berada dalam keadaan bersedia melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tanpa sebarang masalah.

5. Selain itu, SPI ini juga memberi garis panduan yang jelas, seperti di **Lampiran A (Garis Panduan Dan Prosedur Pelaksanaan Persediaan Sekolah Menjelang Penggal Persekolahan Baru)**, kepada pengurus-pengurus sekolah untuk mengambil tindakan dan membuat keputusan dalam usaha untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh ibu bapa semasa sesi persekolahan baru bermula supaya anak-anak dapat menerima pendidikan yang berkualiti tanpa berdepan dengan sebarang masalah yang boleh merencatkan penyertaan anak-anak di sekolah. Melalui SPI ini juga, langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan dapat diambil tindakan seawal mungkin untuk memastikan sekolah sentiasa bersedia menjelang penggal persekolahan baru.

6. Dengan ini dimaklumkan bahawa **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2007** bertarikh **30 Oktober 2007** dan **Surat Siaran** berkaitan dengan **Bayaran Tambahan** bertarikh **7 Januari 2008** adalah dibatalkan berkuat kuasa serta merta

7. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HAJI ALIM JUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k. 1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
3. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pelajaran
8. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
9. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

Lampiran A

GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERSEDIAAN SEKOLAH MENJELANG PENGGAL PERSEKOLAHAN BARU

1. BANTUAN KEPADA PELAJAR

- KPM telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada pelajar bagi membantu meringankan bebanan ibu bapa dalam menanggung kos persekolahan anak-anak mereka serta untuk mengelakkan keciciran. Setiap awal tahun pihak sekolah hendaklah menyenaraikan murid-murid yang layak menerima bantuan-bantuan berikut.
 - 1.1 Biasiswa Kelas Persediaan Universiti
 - 1.2 Biasiswa Kecil Persekutuan
 - 1.3 Skim Biasiswa Sukan
 - 1.4 Rancangan Makanan Tambahan
 - 1.5 Biasiswa Pelajar
 - 1.6 Bantuan Makanan Asrama
 - 1.7 Skim Bantuan Tuisyen
 - 1.8 Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)
 - 1.9 Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)
 - 1.10 Bantuan Murid OKU
 - 1.11 Program Susu Sekolah
 - 1.12 Bantuan Pakaian Seragam
 - 1.13 Bantuan Projek Khas SBP

2. BAYARAN-BAYARAN LAIN

Memandangkan situasi ekonomi yang tidak menentu, pendekatan terbaik untuk mengurangkan perbelanjaan awal tahun ibu bapa dalam menanggung beban perbelanjaan persekolahan perlu diambil kira.

- 2.1 Bermula tahun 2009 sebarang sumbangan kepada PIBG hendaklah dibuat mulai pertengahan tahun, setelah amaun sumbangan mendapat kelulusan Mesyuarat Agung PIBG.

- 2.2 Hanya bayaran-bayaran yang dibenarkan seperti diperuntukan dalam Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan, Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran sahaja yang boleh dikenakan kepada murid-murid yang berkaitan. Bayaran-bayaran tersebut adalah seperti berikut: -
- 2.2.1 **Fi Terhadap Murid Warganegara Asing** – Murid warga asing yang memasuki sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan seperti yang diperuntukkan di bawah subperaturan 5(2)(b) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998; dan Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.4/2000 Peraturan Kutipan Fee Sekolah Yang Dikenakan Kepada Murid Asing bertarikh 3 Mei 2000.
- 2.2.2 **Fi Untuk Peperiksaan (Subjek Tambahan)** – Calon peperiksaan SPM yang mengambil lebih dari sepuluh mata pelajaran tertakluk kepada peruntukan di bawah subperaturan 7(1)(b) hingga 7(1)(g) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2007: Garis Panduan Pengoperasian Dasar Pemansuhan Yuran Peperiksaan Awam;
- 2.2.3 **Bayaran Tambahan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)** – Tiga (3) jenis subjek Azhari yang ditetapkan (Bayaran Amal Islami/Ihtifal (kegiatan kurikulum), Yuran Peperiksaan Dalaman Kurikulum Azhari, Bayaran Kurikulum Azhari) seperti Surat Perakuan Penyalarasaran Bagi Kurikulum Azhari Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)-KP(JAPIM)5206/2/4/2 Jld.6 (2) bertarikh 10 Januari 2008.
- 2.2.4 **Sumbangan bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru** seperti yang diperuntukkan di bawah subperaturan 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998;
- 2.2.5 **Yuran Makanan Asrama** – kadar yuran makanan asrama yang dikenakan sebanyak RM1.00 seorang sehari masih dikekalkan. Penghuni-penghuni asrama di bawah PPRT, asrama Orang Asli, asrama Sekolah Pendidikan Khas dan asrama desa adalah dikecualikan (Surat Pekeliling Kewangan Bil 6 Tahun 2002 Pemberian Bantuan Makanan Pelajar).
- 2.2.6 **Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM)** (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2006: Pemantapan Pelaksanaan Bagi Semua Murid Pra Sekolah, Sekolah Rendah dan

Sekolah Menengah Di Sekolah-sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan)

- 2.3 Bagi pelaksanaan bayaran-bayaran lain persekolahan, pihak PIBG dan sekolah adalah diingatkan supaya mematuhi langkah-langkah seperti berikut;
- 2.3.1 Mengadakan mesyuarat di antara pihak pengurusan sekolah dengan AJK PIBG untuk menyediakan cadangan bayaran-bayaran lain persekolahan.
 - 2.3.2 Cadangan bayaran-bayaran lain perlu dibentang, dibincang dan diputuskan di dalam Mesyuarat Agong PIBG.
 - 2.3.3 Pihak sekolah hendaklah menyediakan surat makluman kepada ibu bapa mengenai jumlah bayaran-bayaran lain yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Agong PIBG.
 - 2.3.4 PIBG dan sekolah **dikehendaki** menggunakan **budi bicara** dengan memberi kelonggaran kepada ibu bapa yang tidak mampu.
 - 2.3.5 Semua bayaran yang dibuat oleh pihak ibu bapa hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang SUWA atau Akaun Asrama Sekolah atau Akaun PIBG mengikut pecahan akaun yang betul.

3. BENCANA BANJIR

- 3.1 KPM telah menubuhkan satu pasukan bantuan bencana alam yang dikenali sebagai ***Smart Support Team, Ministry Of Education (SST MOE)*** yang terdiri daripada guru-guru kaunseling yang sebelum ini telah pun terlibat secara langsung dalam membantu mangsa bencana alam.
- 3.2 Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah hendaklah menubuhkan pasukan yang khusus bagi membuat persediaan awal menangani sebarang masalah sekiranya banjir berlaku.